


Skim harga maksimum ayam standard dilaksana jika perlu

Jun 21, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



BUTTERWORTH, 21 Jun - Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk memperkenalkan skim kawalan harga bagi ayam standard sekiranya peniaga mengambil kesempatan untuk menaikkan harga ayam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, rungutan ramai pembeli, khususnya di Pulau Pinang akan diberi perhatian serius.

Ini ekoran kenaikan harga ayam sehingga 40% oleh sesetengah pemborong dan orang tengah.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke kilang MSM Prai Berhad, pagi tadi.

Menurut Datuk Alexander, ada peniaga yang menjual hampir RM10 dan RM11 sekilogram ayam walhal harga yang ditetapkan kementerian adalah pada kadar RM7.50.

Bagi mengatasi masalah ini, beliau meminta penternak supaya menjual terus kepada pembeli tanpa melalui orang tengah.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/19377-skim-harga-maksimum-ayam-standard-dilaksana-jika-perlu>